

Analisis Literatur Sistemik (SLR) terhadap Elemen Pembangunan Pendakwah

BITARAVolume 4, Issue 3, 2021: 145-164
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Systematic Literature Review (SLR) on The Elements of Preacher Development

Nor Izzatul Husna Burhan¹ & Zulkefli Aini^{1*}

Abstrak

Kajian lepas menunjukkan salah satu punca kepada ketidakberhasilan pelaksanaan gerak kerja dakwah adalah disebabkan oleh kekurangan daripada pihak pendakwah. Keadaan ini menjadikan tahap penerimaan mesej dakwah dalam kalangan masyarakat sasaran kurang mendapat sambutan. Antara faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku ialah lemahnya aspek pembangunan insaniah dalam diri pendakwah. Justeru, kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengenal pasti elemen pembangunan pendakwah dalam kerangka pembangunan insan. Kajian ini adalah menggunakan kaedah *Systematic Literature Review* (SLR) iaitu kaedah yang memfokuskan kepada kehendak kajian. Terdapat tiga peringkat untuk menganalisis artikel yang bersesuaian dengan kajian, iaitu pengenalanpastian (*identification*), saringan (*screening*) dan kelayakan (*eligibility*). Hasil kajian terhadap dua belas artikel yang membincangkan tentang elemen pembangunan insan, terdapat tujuh elemen penting dalam pembangunan insan yang boleh diterapkan dalam pembangunan pendakwah iaitu jasmani, rohani, akal, emosi, sosial, ekonomi dan politik. Kajian ini mempunyai kepentingan daripada sudut merangka strategi membangunkan pendakwah dalam pelbagai aspek secara sepadu dan holistik.

Kata kunci:

Elemen, Pembangunan, Pendakwah, Modal Insan.

Abstract

Previous studies have shown that one of the reasons for the unsuccessful implementation of da'wah work is due to the weakness of preachers in terms of their performance to convince people. This situation has caused the level of acceptance of the da'wah message among the target community to be less popular. Among the factors of this situation is the weakness of aspect of human development that should be inculcated in the preachers. Thus, this study was conducted to identify the elements of preacher development in the framework of human development. This study uses the systematic literature review (SLR) method that focuses on the requirement of the study. There are three stages to analyse the relevant articles namely identification, screening and eligibility. Based on twelve articles that focused on the elements of human development, the study found that there are seven important elements in human development which can be implemented in preacher development namely physical, spiritual, mental, emotional, social, economic and political aspects. Thus, this study

¹ Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Corresponding Author:

ZULKEFLI AINI, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

*e-mel: zulaini@ukm.edu.my

significantly can be applied to design a comprehensive strategy for preacher development by integrated and holistic approach in various aspects.

Keywords:

Elements, Development, Preacher, Human Capital.

Cite This Article:

Nor Izzatul Husna Burhan & Zulkefli Aini. 2021. Analisis literatur sistematik (SLR) terhadap elemen pembangunan pendakwah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 145-164.

Pengenalan

Islam adalah agama yang berkembang dan tersebar hasil daripada gerakan dakwah. Demikian itu, telah menjadi satu tanggungjawab kepada umat Islam terutamanya para ulama untuk mengembangkan Islam dan berdakwah pada jalan Allah (Wan Hussein 1998). Menurut Ibn Manzur (1994), dakwah daripada segi bahasa adalah diambil daripada bahasa Arab iaitu *da'a – yad'u – da'watan* yang bermaksud meminta pertolongan, menyeru, mengajak, memanggil, memandu, menjemput, melaung, memandu dan beribadat. Manakala, daripada segi istilah pula dakwah ditakrifkan sebagai usaha mengubah suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik dan sempurna, sama ada terhadap diri sendiri mahupun masyarakat (Ab Aziz et al. 2006). Usaha ini adalah merangkumi setiap aspek kehidupan sama ada daripada sudut pegangan, cara hidup, keilmuan dan lain-lain.

Bagi menjayakan usaha dakwah, terdapat empat komponen utama yang perlu dipenuhi. Ia adalah sebagai ukuran dalam menentukan ketelaksanaan proses dakwah. Empat komponen tersebut ialah *da'i* (pendakwah), *mawdu'* (mesej), *manhaj* (pendekatan) dan *mad'u* (golongan sasaran). Ini menunjukkan bahawa pendakwah merupakan komponen penting dalam menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat (Zaydan 2002). Di samping itu, pendakwah merupakan penyelenggara dan aktor utama dakwah yang menjadi tunjang kepada kejayaan dakwah berikutan bertindak sebagai saluran utama ke arah membumikan ajaran Islam. Mereka memikul amanah dan tanggungjawab yang besar demikian kerana merupakan pewaris para nabi dan rasul terdahulu (Syahrul Faizaz et al. 2006).

Menurut Al-Qahtani (1994), segala perintah yang diberikan kepada nabi adalah bererti perintah kepada umatnya. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pendakwah untuk menyampaikan apa yang telah dilaksanakan dan diwariskan kepadanya. Khoirul Fadli (2010) membahagikan tanggungjawab pendakwah kepada lima bahagian, iaitu sebagai saksi, pembawa berita gembira, dan pemberi peringatan, penyeru kepada agama Allah dan sebagai cahaya yang menerangi. Manakala Burhanuddin, Amnah Saayah dan Sayuti (2018) menambahkan lagi peranan pendakwah dalam konteks semasa iaitu sebagai jurubicara, kaunselor, penyelesaian masalah, pengurus dan juga usahawan.

Berdasarkan huraian tersebut, dapatlah diketahui bahawa pendakwah berperanan penting dalam masyarakat. Namun, menjadi satu permasalahan apabila masih lagi terdapat kelompangan yang jelas dari segi pengurusan diri pendakwah seperti kegagalan menunjukkan sifat yang baik ketika berdakwah, kelemahan dalam aspek komunikasi, kekurangan dalam mendalami sesuatu ilmu dan lain-lain (Ibtisam & Berhanuddin 2019). Ini diakui oleh Ahmad

Mahmud (2003) yang menjelaskan pandangannya bahawa umat Islam sekarang mengalami ketandusan pendakwah yang mempunyai akhlak yang mulia serta komitmen yang tinggi untuk berdakwah dan sanggup berkorban harta mahupun nyawa (Abdurahman & Abdul Ghafar 2018).

Selain dari itu, Halim dan Zulkefli (2014) menjelaskan antara punca kegagalan penerimaan mesej dakwah dalam kalangan masyarakat ialah kekurangan dari segi imej pendakwah. Kekurangan ini adalah merangkumi kewibawaan pendakwah, kepakaran dan kelebihannya dalam mesej yang disampaikan, komitmen pendakwah dengan mesej, komitmen pendakwah kepada sasaran, keikhlasan dan kejujuran pendakwah menjalankan tugas dakwah dan kedinamikan serta kecergasannya berada di lapangan bersama dengan sasaran. Lantaran itu, bagi merealisasikan gerak kerja dakwah dapat dilaksanakan secara efektif kepada masyarakat, perlunya kepada pembangunan terhadap diri pendakwah itu sendiri baik dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan sebagainya.

Pembangunan dan Insan dalam Dakwah

Pengertian dan Konsep Pembangunan

Pembangunan merupakan perkara asasi yang penting dalam pembinaan tamadun hidup manusia. Sehubungan dengan itu, semua umat manusia diperintahkan melaksanakan pembangun (Wan Khairul Aiman 2016). Walaupun pembangunan menjadi agenda pembinaan tamadun manusia, menurut Muhammad Syukri (2003), proses pembangunan yang dilaksanakan sering dianalisis dalam konteks perhubungan antara manusia dengan manusia dan antara manusia dengan alam semesta sahaja. Keadaan ini berpunca daripada pembangunan sedia ada hanyalah berfokuskan kepada falsafah pembangunan lazim yang berasaskan kepada falsafah pembangunan kapitalis dan marxis. Justeru, istilah pembangunan sering dirujuk sebagai suatu proses yang berkaitan dengan seseorang atau sesuatu dalam konteks peningkatan, kemajuan dan perkembangan yang sifatnya mendatar (Mohd Nasir 2016). Malah, pembangunan lazimnya juga dikaitkan dengan perubahan struktur ekonomi, masyarakat, politik dan kebudayaan hasil daripada konflik dalam sistem yang ada dan menjana ketidaksamaan dalam ekonomi, politik dan sosial (Frank 1966).

Di samping itu, pembangunan lazim daripada epistemologi Barat hanya menumpukan kepada aspek material atau kebendaan dan fizikal yang berfokuskan komoditi ekonomi (Mohd Shukri 2017). Menurut Muhammad Syukri (2002; 2003), konsep pembangunan daripada aspek material ini adalah terbahagi kepada tiga dimensi. Pertama, pembangunan ekonomi yang diukur dari keluaran dalam negara kasar dan per kapita. Kedua, proses perubahan yang mendatangkan keuntungan material, daya pengeluaran, peluang pemilikan, perkhidmatan dan pendidikan serta kesihatan yang lebih baik dengan peningkatan peluang pekerjaan. Ketiga, pembangunan yang menitikberatkan nilai etika non-agama iaitu nilai yang diambil berdasarkan kepada pemikiran falsafah dan teori sebagaimana teori kapitalisme.

Sementara itu, Mohd Shukri (2017) pula merumuskan bahawa pembangunan bukan Islam yang dikenali sebagai pembangunan lazim (PL) mempunyai empat elemen, iaitu pertama; ia lahir daripada *worldview* Barat yang tidak menjadikan agama sebagai asasnya tetapi terbina

daripada hujah akal dan rasional pengasasnya. Kedua; fokus utama berasaskan kepada pembangunan ekonomi, yang bersandarkan kepada falsafah pembangunan kapitalisme dan marxisme, sebagai matlamat dan menjadi penentu kepada kejayaan atau kegagalan aspek-aspek lain dalam pembangunan. Ketiga; ia mengutamakan aspek kemajuan fizikal atau material dengan mengabaikan prinsip agama, pendidikan akhlak dan sosial. Keempat; agama dalam kerangka pemikiran PL hanyalah alat kepada pembangunan dan bukannya pembangunan alat kepada agama.

Oleh kerana teori pembangunan lazim mendominasi bentuk pembangunan sedia ada, pada pandangan Wan Khairul Aiman (2016), maka teori pembangunan tersebut digunakan dalam kerangka pembangunan Islam dan umat Islam. Justeru, para sarjana berpendapat bahawa teori pembangunan perlu distrukturkan semula daripada sudut *worldview* dalam aspek falsafah, epistemologi dan sistem nilai yang membezakannya dengan pembangunan lazim (Muhammad Syukri, 2003; Wan Norhaniza & Mohd Shukri, 2014). Di samping itu, kesedaran ini terzahir selari dengan perkembangan pembangunan sedia ada yang mengisyaratkan kegagalan dalam agenda pembangunan sehingga fenomena kemiskinan, penyalahgunaan kuasa, rasuah, jurang pendapatan dan keadilan sosioekonomi, kemerosotan ekologi dan keruntuhan akhlak semakin mendapat tempat dalam ekosistem masyarakat yang bertunjangan pembangunan lazim (Mohd Shukri 2011).

Para sarjana mengemukakan pengertian dan konsep pembangunan berteraskan Islam dalam pelbagai dimensi dan sudut. Aidit Ghazali (1990) misalnya berpandangan bahawa pembangunan daripada perspektif Islam melibatkan elemen pertumbuhan (*growth*) dan perubahan (*change*). Elemen pertumbuhan memfokuskan kepada dua aspek iaitu kualitatif yang merangkumi unsur kerohanian dan akhlak; dan kuantitatif yang meliputi unsur fizikal atau material dan alam sekitar. Manakala elemen perubahan memfokuskan kepada aspek sosioekonomi dan teknologi. Pemangkin kepada kelangsungan pembangunan tersebut berpaksikan kepada lima falsafah utama iaitu *Tawhid Uluhiyyah*, *Tawhid Rububiyyah*, *khilafah*, *tazkiyyah* dan *al-falah*. Matlamat pembangunan yang hendak dicapai ialah *al-falah* di dunia dan di akhirat. Sementara itu, Wan Liz Ozman (1996) pula berpendapat bahawa pembangunan dalam Islam dilihat dalam konteks sejauh mana ia dapat dilaksanakan mengikut proses pengurusan yang berlandaskan ajaran Islam. Pada pandangan beliau, pembangunan merupakan suatu pelaksanaan kewajipan dan amanah yang dikira sebagai amal soleh serta melakukan pemuafakatan melalui sistem syura untuk membina tamadun yang diredhai oleh Allah SWT dan mencapai *al-falah* iaitu kesejahteraan, kejayaan dan keuntungan di dunia dan akhirat, serta membendung berlakunya *al-fasad* atau penyelewangan dalam kehidupan.

Wan Mohd Nor (2001) pula menyatakan bahawa pembangunan merupakan kegiatan *pengislahan* masyarakat daripada keadaan yang tidak baik kepada keadaan yang lebih baik dan bukan sebaliknya. Pembangunan yang sebenar ialah peningkatan kesedaran manusia akan tanggungjawabnya terhadap pelbagai hakikat dan perkara mengikut urutan keutamaan yang sah, dan amal perbuatan yang ikhlas, berhikmah, berani, sederhana dan adil. Fahaman pembangunan yang sebenar di dalam Islam perlu dibersihkan daripada pemikiran Barat yang menekankan pembangunan yang bermatlamatkan keduniaan dan keseronokan semata-mata sehingga mendakwa tiada alam lain melainkan dunia ini; manusia dianggap sebagai suatu kehidupan yang hanya mempunyai unsur fizikal dan fikiran sahaja, tanpa roh, sehingga digelar

sebagai *most evolved species*; dan satu-satunya sumber ilmu yang dianggap sah lagi bermanfaat ialah bersifat akliah, saintifik dan menguntungkan ekonomi dan politik sahaja.

Manakala Muhammad Syukri (2002, 2003, 2013) berpendapat bahawa pembangunan Islam daripada sudut falsafahnya mempunyai tujuh prinsip, iaitu *worldview* atau tasawwur Islam sebagai acuan; insan yang berperanan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT sebagai aktor utama; tiga tempoh masa yang dilalui oleh insan sepanjang bergelar hamba dan khalifah Allah SWT sebagai skala waktu yang panjang bermula daripada alam *malakut* pada pra kelahiran, alam dunia dan alam akhirat; ilmu fardu ain sebagai kerangka epistemologi; ibadah kepada Allah SWT sebagai metodologi pelaksanaan; sumber alam semula jadi sebagai alat pembangunan; dan keredhaan Allah SWT (*mardatillah*) sebagai tujuan utama pembangunan.

Insan Sebagai Aktor Utama dalam Pembangunan dan Dakwah

Berbeza dengan perspektif Barat, pembangunan daripada epistemologi Islam meletakkan insan sebagai fokus utamanya (Aidit 1990; Muhammad Syukri 2002, 20023, 2013). Insan bukan berperanan sebagai *homo-economus* atau *pseudo-human* dalam kerangka pemikiran pembangunan lazim. Insan adalah hamba dan khalifah Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran melalui surah al-Dhariyyat (51:56) dan surah al-Baqarah (2:30). Malah insan tidak harus difahami sekadar mempunyai badan dan pancaindra serta fungsinya memenuhi keperluan asas yang terkandung dalam *hierarchy of needs* idea Maslow (Zulkefli 2012) atau hanya menumpukan aspek jasmaniah (Wan Mohd Nor 2001). Hal ini kerana manusia merupakan inti kepada penciptaan di mana seluruh alam ini dan isinya adalah dijadikan untuk manusia, sedangkan manusia dijadikan untuk beribadat kepada Tuhannya (Ahmad Awang 1998).

Sememangnya tidak dinafikan bahawa Islam turut memandang berat masalah berkaitan pembangunan ekonomi, namun ia hanyalah sebagai sebahagian daripada masalah pembangunan manusia yang lebih luas (Nor Sahida 2013). Fokus utama pembangunan Islam adalah meliputi aspek kebendaan dan spritual secara seimbang iaitu mengambil kira kepentingan akhlak, persoalan kehidupan dunia dan pencapaian *al-falah* di akhirat (Hussin Salamon 2009). Ini menunjukkan bahawa pembangunan daripada perspektif Islam adalah pembangunan yang seimbang dan holistik, iaitu meliputi aspek material dan spritual serta dunia dan akhirat (Mohd Fauzi & Mohd Khairul Naim 2012).

Menurut Kamarul Azmi (2016) pembangunan insan daripada perspektif Islam merangkumi semua aspek kehidupan insan terutama aspek kerohanian. Walau bagaimanapun, pembangunan yang mengenyepikan aspek kerohanian hanya akan memenuhi keperluan kehaiwanan (al-Attas 2019). Pembangunan kerohanian yang berlaku dalam jujuk dalam pembangunan insan boleh dilaksanakan dengan kembali kepada agama Islam yang sejati sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah SAW (Kamarul Azmi, 2016). Walaupun Islam tidak menolak aspek material atau fizikal dalam agenda pembangunan insan, tetapi ia mesti dihasilkan daripada asas kerohanian supaya pembangunan material dapat dilaksanakan dengan betul. Ini menunjukkan bahawa pembangunan kerohanian menjadi teras kepada pembangunan yang lain dalam membangunkan potensi insan (Kamarul Azmi, 2016). Sementara itu, Mohd Nasir (2016) turut merumuskan bahawa pembangunan Islam sebagai konsep yang bersifat kontemporari dan memenuhi semua keperluan manusia secara individu dan kolektif.

Dalam konteks dakwah, penumpuan terhadap fokus pembangunan juga adalah selari dengan pembangunan Islam oleh kerana kedua-duanya menekankan aspek pembangunan insan. Ini kerana konsep dakwah Islamiah adalah satu gerakan yang membawa atau mengubah manusia daripada keadaan kufur kepada iman, daripada kegelapan kepada cahaya dan daripada keadaan sempit kepada keadaan lapang di dunia dan di akhirat (Mohd Sabri & Salmiah 2007). Individu yang menjadi teras kepada kelangsungan dakwah dalam membina insan ialah pendakwah (Zaydan 2002). Sehubungan dengan itu, bagi menjayakan usaha tersebut juga perlunya kepada agenda pembangunan pendakwah supaya aktor utama dalam dakwah tersebut boleh berperanan membentuk insan yang berkemahiran dan berkualiti. Hal ini penting bagi menzahirkan keyakinan pada pihak masyarakat bahawa mesej dakwah yang disampaikan adalah daripada individu yang mempunyai kualiti tertentu seperti pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan dakwah (Faiz 2018).

Sekiranya aspek ini diabaikan ia akan menjejaskan penerimaan mesej dakwah yang menyebabkan kurangnya sambutan daripada masyarakat (Ibtisam & Berhanundin 2019). Dalam usaha melahirkan pendakwah yang profesional, berwibawa dan berkualiti, kerangka pembangunan modal insan boleh dijadikan sebagai agenda utama dalam pembangunan dakwah. Ini bertepatan dengan pandangan Abdul Rahman (2007) yang merumuskan bahawa pembangunan insan merupakan suatu usaha pemeraksanaan insan sebagai individu dan sebagai anggota kelompok komuniti. Oleh itu, ia adalah berfokuskan kepada pembangunan *insaniah* manusia itu sendiri iaitu merangkumi elemen-elemen di dalam diri dan di luar diri manusia (Roslan & Siti Aishah 2010).

Untuk melaksanakan proses pemeraksanaan insan dalam konteks dakwah, terdapat beberapa elemen yang perlu diberi perhatian. Menurut al-Qaradawi (2004), pembangunan insan mestilah dibangunkan berasaskan keimanan. Berdasarkan asas keimanan inilah al-Qaradawi mencadangkan bahawa fokus pembangunan insan perlu ditumpukan kepada empat dimensi diri manusia iaitu akal, rohani, fizikal dan tingkah laku manusia. Dimensi tersebut boleh dibangunkan dengan adanya pengisian yang berkualiti sebagaimana akal dibangunkan dengan ilmu pengetahuan, rohani dibangunkan dengan ibadah, fizikal dibangunkan dengan riadah dan tingkah laku dibangunkan dengan kebaikan atau akhlak mulia. Sementara itu, ada pengkaji yang berpandangan bahawa pembangunan insan mestilah dibangunkan berdasarkan empat elemen penting iaitu jasmani, rohani, akal dan emosi (Che Bakar et al. 2007; Ab Aziz & Mutiara Dwi Sari 2017). Dimensi emosi, misalnya, merupakan elemen penting bagi melahirkan insan yang matang dan mampu mengendalikan tekanan serta permintaan persekitaran dalam konteks semasa (Ab.Aziz & Mutiara Dwi Sari 2017).

Sementara itu, Baharom dan Mohd Johdi (2009) berpandangan fokus pembangunan insan merangkumi segenap aspek kehidupan insan seperti akhlak, pendidikan, sosial, ekonomi, kesihatan dan kemahiran. Ini diakui oleh Mohd Fauzi dan Mohd Khairul Naim (2012) yang menjelaskan bahawa pembangunan insan yang seimbang perlulah meliputi pembangunan daripada aspek politik, ekonomi, sosial, pentadbiran, moral dan kerohanian. Pemeraksanaan insan terhadap kesemua aspek ini adalah bertujuan bagi melahirkan individu yang pakar, mahir ataupun profesional dalam bidang masing-masing tetapi penuh dengan nilai-nilai positif seperti amanah, jujur, dan adil sebagaimana yang terzahir dalam ruang lingkup akhlak mulia (Razaleigh 2015).

Justeru, kajian sorotan literatur bersistematik ini dijalankan untuk mengenal pasti lebih lanjut berkaitan elemen-elemen pembangunan insan yang boleh diterapkan dalam pembangunan pendakwah. Ini penting bagi melahirkan pendakwah profesional yang berkualiti sebagai aktor utama dalam dakwah.

Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian sorotan literatur bersistematik ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti elemen pembangunan pendakwah. Objektif kajian ini pula adalah seperti berikut:

1. Mengetahui mengenai elemen pembangunan dalam Islam
2. Mengetahui mengenai elemen pembangunan pendakwah dalam kerangka pembangunan insan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah *systematic literature review* (SLR). Kaedah ini digunakan bertujuan untuk mencari dan mengenal pasti maklumat kajian secara sistematik dan berasas. Menurut Higgins et al. (2011), *systematic literature review* (SLR) merupakan kajian yang bertujuan mencari dan menganalisis secara komprehensif, berstruktur, tiada keraguan dan boleh diulang pada proses seterusnya. Oleh sebab itu, pengkaji menggunakan kaedah ini sebagai metodologi utama kajian.

Prosedur Pencarian Literatur

Strategi pencarian literatur adalah ditentukan bermula dengan bimbingan objektif kajian. Oleh kerana kajian ini adalah memfokuskan kepada elemen-elemen pembangunan insan, maka kata kunci yang digunakan adalah berdasarkan tema tajuk kajian. Pangkalan data utama yang digunakan dalam pencarian literatur ini ialah *google*, *google scholar*, *researchgate* dan *academia*. Penggunaan pangkalan data ini adalah bertujuan untuk memudahkan pencarian literatur secara lebih tersusun dan sistematik.

Kriteria Instrumen

Menurut Xiao dan Watson (2019), kajian tinjauan sama berbentuk kritikan atau ataupun kritikal yang melibatkan perbandingan sekumpulan literatur adalah memerlukan kepada penetapan set kriteria mantap. Justeru itu, kajian ini telah menetapkan kriteria yang tertentu bagi memudahkan pencarian literatur. Antara kriteria yang telah ditetapkan ialah tempoh masa kajian literatur iaitu mestilah berada pada lingkungan tahun 2015 dan ke atas. Selain itu, penetapan terhadap pemilihan literatur iaitu mestilah terdiri daripada artikel jurnal, prosiding, buku atau tesis.

Ekstrak dan Sintesis Data

Menurut Bevan et al. (2020), pengekstrakan data dijalankan untuk memudahkan dan merumuskan perbandingan bahan literatur yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Data-data instrumen kajian ini telah di saring mengikut kategori yang telah disusun melalui proses pengekstrakan data. Antara kategori yang ditetapkan dalam kajian ini adalah seperti latar belakang, isu atau gap kajian dan dapatan kajian. Setelah itu kategori-kategori ini akan di sintesis untuk memberi gambaran yang lebih jelas dalam menghasilkan perbandingan yang bermakna.

Dapatan dan Perbincangan

Bagi menganalisis kajian ini secara sistematik, dua belas tinjauan literatur telah dikenal pasti sebagai instrumen penting yang menepati tema kajian iaitu pembangunan insan. Jadual 1 menyenaraikan artikel jurnal hasil daripada analisis SLR.

Jadual 1: SLR elemen pembangunan insan

Bil	Kajian	Latar Belakang	Isu/Gap	Metode	Dapatan Kajian
1.	Muhammad Hilmi Jalil & Fakrul Adabi Kadir, 2015	Keutamaan Pembangunan Insan dalam Mengimbangi Pembangunan Negara.	Kajian ini dijalankan membuat penganalisan terhadap keperluan mendesak kepada pengukuhan proses pembangunan insan dalam kalangan masyarakat Malaysia.	Kajian Kualitatif	Hasil kajian mendapati bahawa akidah, akhlak dan ilmu merupakan elemen penting dalam usaha membangunkan masyarakat Malaysia.
2.	Saharia Hj. Ismail, 2015	Pembangunan insan dalam falsafah Pendidikan Kebangsaan.	Kajian ini dijalankan untuk meneliti sudut perbincangan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dari konteks kandungannya yang menekankan aspek	Kajian Kualitatif	Hasil Kajian mendapati pembangunan insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) adalah terangkum kepada empat aspek utama iaitu: 1. Pembangunan intelektual 2. Pembangunan Kerohanian

			pembangunan insan.		3. Pembangunan Emosi 4. Pembangunan Jasmani/ Fizikal
3.	Razaleigh Muhamat @ Kawangit, 2015	Penelitian Pembentukan Modal Insan Melalui al-Quran dan al-Sunnah.	Kajian ini adalah membincangkan tentang pembentukan modal insan daripada perspektif al-Quran dan al-Sunnah.	Kajian Kualitatif	Hasil kajian mendapati terdapat empat aspek penting yang perlu digarap dalam pembentukan modal insan menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah. Di antara aspek tersebut ialah: 1. Aspek Akidah 2. Aspek Akhlak 3. Aspek Politik 4. Aspek Ekonomi
4.	Zainudin Hashim, Fakhrul Adabi Abdul Kadir & Yusmini Md. Yusoff, 2015	Agenda Hasan al-Banna dalam Pembangunan Insan Menerusi Penulisan Karya <i>Majmu'at al-Rasail</i> .	Kajian ini dijalankan untuk mengupas mengenai pandangan Hasan al-Banna dalam penulisan <i>Majmu'at al-Rasail</i> . Agenda perbincangan tertumpu kepada konsep-konsep pembangunan insan dalam lima elemen pembangunan insan menerusi rukun beramal.	Kajian Kualitatif	Hasil kajian mendapati terdapat lima aspek penting yang perlu dibangunkan pada masyarakat untuk melahirkan lebih ramai insan yang berkualiti. Di antara lima aspek tersebut ialah: 1. Akidah yang jitu 2. Ibadat yang menepati piawaian Islam 3. Memelihara tubuh badan agar sentiasa sihat 4. Sentiasa memelihara akhlak terpuji 5. Berusaha menggarap ilmu
5.	Zafia Zymonik & Anna Dobrowolska, 2015	<i>Spiritual Capital As The Fourth Capital in a TQM Organization</i>	Kajian ini membincangkan tentang kepentingan modal spritual sebagai modal keempat dalam organisasi	Kajian Kualitatif	Hasil kajian mendapati terdapat empat komponen utama yang perlu dibangunkan dalam organisasi pengurusan kualiti keseluruhan TQM iaitu: 1. Modal Jasmani

			pengurusan kualiti keseluruhan TQM		2. Modal Intelektual 3. Modal Sosial 4. Modal Spritual
6.	Adeel Ahmed, Mohd Anuar, Arshad Mahmood & Sahail Akhtar, 2016	<i>Spiritual Intelligence (SQ): A Holistic Framework for Human Resource Development.</i>	Kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka kerelevanan kecerdasan rohani manusia (SQ) bagi mengemukakan rangka kerja yang holistik bagi pembangunan sumber manusia. Kajian ini juga membincangkan penekanan terhadap beberapa lain yang dirasakan signifikan dalam rancangan pembangunan sumber manusia.	Kajian Kualitatif	Hasil kajian mendapati pembangunan sumber manusia yang holistik mestilah merangkumi tiga aspek penting iaitu: 1. Kecerdasan Intelektual (IQ) 2. Kecerdasan Emosi (EQ) 3. Kecerdasan Spritual (SQ)
7.	Faizatul Najihah Mohd Azaman, Faudzinaim Badaruddin, 2016	Nilai-nilai pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali.	Kajian ini adalah memperincikan elemen pembangunan modal insan menurut al-Ghazali.	Kajian Kualitatif	Hasil kajian mendapati terdapat tiga tema pembangunan modal insan (PMI) al-Ghazali. Tiga tema tersebut ialah: 1. Pembangunan Modal Insan al-Ghazali mempunyai tiga ciri iaitu: i. Keseimbangan pembangunan jasmani dan rohani. ii. Komponen rohani yang mempunyai empat bahagian (ruh, <i>nafs</i> , <i>qalb</i> dan akal). iii. Hubungan manusia dengan Allah yang melibatkan ilmu dan hubungan manusia sesama manusia yang melibatkan amal.

					<p>2. Pembangunan Modal Insan mengutamakan Islam, Iman dan Ihsan.</p> <p>3. Nilai-nilai kerohanian yang terbahagi kepada positif dan negatif.</p>
8.	Ab Aziz Yusof & Mutiara Dwi Sari, 2017	Pembangunan Modal Insan daripada Perspektif Islam: Impak kepada Pengurus.	Kajian ini adalah membincangkan tentang konseptual pembangunan modal insan daripada perspektif Islam	Kajian Kualitatif	<p>Hasil kajian mendapati pembangunan modal insan daripada perspektif Islam adalah terangkum kepada empat elemen penting iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembangunan Jasmani 2. Pembangunan Rohani 3. Pembangunan Akal 4. Pembangunan Emosi
9.	Arshad Mahmood, Mohd Anuar Arshad, Adeel Ahmed, Sohail Akhtar & Shahid Khan, 2018	<i>Spiritual Intelligence Research within Human Resource Development: A Thematic Review.</i>	Kajian ini dijalankan untuk menganalisis ilmu yang luas mengenai penyelidikan kecerdasan rohani (SI) dalam rangka penyelidikan pembangunan sumber manusia (HRD)	Kajian Kualitatif	<p>Hasil kajian mendapati terdapat lima tema penting dalam kandungan (HRD) yang berkait dengan konsep SI. Lima tema tersebut ialah SI mekanisme holistik, SI dan pembangunan kepimpinan, alat pengukur SI dan kesan SI terhadap kemampuan. Melalui perbincangan tersebut, kajian mendapati pembangunan sumber manusia yang holistik mestilah merangkumi tiga aspek utama iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kecerdasan Intelektual (IQ) 2. Kecerdasan Emosi (EQ) 3. Kecerdasan Spritual (SQ)

10.	Najihah Abd Wahid, Anas Mohd Yunus, Siti Fatimah Salleh & Khazri Osman, 2017	Pembangunan Modal Insan Menurut Analisis Diwan al-Shafi'i.	Kajian ini adalah membincangkan secara ringkas tentang aspek-aspek pembangunan modal insan yang telah diberi perhatian oleh Iman al-Shafi'i dalam diwan beliau.	Kajian Kualitatif	Hasil kajian mendapati terdapat tiga aspek penting dalam pembangunan modal insan menurut Iman al-Syafi'i. Tiga aspek tersebut ialah: <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Takhalli</i> insan 2. <i>Tahalli</i> insan 3. <i>Tajalli</i> insan
11.	Masitah Idris, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Ahmad Sunawari Long & Nozira Salleh, 2019	Pembangunan Modal Insan (PMI) dari Perspektif Islam.	Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti unsur-unsur Pembangunan Modal Insan (PMI) dari perspektif Islam.	Kajian Kualitatif	Hasil kajian mendapati terdapat lima aspek yang menjadi teras dalam pembangunan modal insan (PMI) dari sudut pandangan Islam. Antara lima aspek tersebut ialah: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembangunan pemikiran/ Akal 2. Pembangunan kemahuan/ Dorongan 3. Pembangunan Emosi/ Perasaan 4. Pembangunan Fizikal/ Jasmani 5. Pembangunan Spritual/ Rohani
12.	Abdul Aziz Ismail, Tajularipin Sulaiman & Samsilah Roslan, 2020	<i>Models of Relationship Between Emotional, Spritual, Physical and Social Intelligence, Resilience and Burnout Among High School Teachers.</i>	Kajian ini dijalankan untuk mengkaji sejauh mana faktor dalaman seperti emosi, rohani, sosial, fizikal dan daya tahan mampu mempengaruhi prestasi kerja seorang guru.	Kajian Kuantitatif	Hasil kajian mendapati kesemua faktor dalaman iaitu emosi, rohani, sosial, fizikal dan daya tahan memberi kesan terhadap prestasi guru. Kajian merumuskan adalah perlu bagi seorang guru untuk membangunkan diri mereka berdasarkan kesemua elemen tersebut.

Merujuk Jadual 1 analisis literatur sistematik yang dijalankan, terdapat sejumlah dua belas kajian yang berkait dengan tema pembangunan insan. Kesemua kajian tersebut masing-masing membincangkan tentang keperluan pembangunan insan dalam konteks pemeraksanaan

diri ke arah yang lebih baik. Walaupun begitu, terdapat perbezaan pandangan di antara fokus kajian terhadap aspek-aspek pembangunan insan yang perlu dibangunkan. Lantaran itu, berpandukan analisis kajian ini dan pemerhatian terhadap Jadual 1, penulis merumuskan terdapat tujuh elemen penting yang perlu dibangunkan dalam diri setiap insan bagi melahirkan mereka yang berkeupayaan, berkepakaran, berkemahiran dan juga berkualiti. Tujuh elemen tersebut ialah terdiri daripada aspek jasmani, rohani, akal, emosi, sosial, ekonomi dan politik.

Pertama sekali aspek jasmani sebagai satu keperluan penting dalam pemeraksanaan insan. Terdapat lima kajian yang menyenaraikan pembangunan jasmani sebagai kepentingan dalam pembangunan insan. Lima kajian tersebut adalah sebagaimana yang telah dirangka dalam Jadual 1. Menurut Masitah et al. (2019), manusia memerlukan kesihatan tubuh badan untuk menjalankan dan melaksanakan tugas serta tanggungjawabnya terhadap Allah SWT, Rasul dan agama dengan sempurna dan berkesan. Dengan adanya jasmani yang sihat, maka barulah mereka mampu menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang hamba dan khalifah di muka bumi ini (Zainudin 2015). Untuk itu perlunya kepada pembangunan modal insan dalam konteks penjagaan jasmani sebagaimana pengambilan makanan yang halal dan berkhasiat, penjagaan kebersihan diri, tempat tinggal dan persekitaran serta pelaksanaan aktiviti riadah dan bersenam (Fariza Md Sham 2005; Famida Naimi 2018).

Kedua, keperluan rohani. Majoriti kajian melihat rohani sebagai elemen terpenting yang perlu dibangunkan oleh kerana merupakan inti kepada pembangunan manusia. Menurut Baharom (2005), kerohanian dapat diertikan sebagai pembangunan dalaman diri iaitu melibatkan dimensi akidah, ibadah, akhlak dan syariah (Roslan & Siti Aishah 2010). Manakala, Faizatul Najihah dan Faudzinaim (2016) menjelaskan rohani sebagai perkara yang terdiri daripada empat unsur iaitu akal, nafsu, jiwa dan roh serta yang berkaitan dengan pengamalan agama seperti solat, puasa, tilawah al-Quran, zikir, mengamalkan sifat-sifat mahmudah dan menjauhi sifat-sifat *mazmumah*. Demikian itu, penulis merangkumkan kesemua aspek yang melibatkan akidah, ibadah, akhlak dan syariah yang disenaraikan dalam kajian pada Jadual 1 sebagai satu elemen iaitu kerohanian. Dalam memperkasakan rohani, perlunya kepada pendekatan yang sesuai dan di antaranya ialah pendekatan *rabbaniyyah*, *tazkiyyah al-nafs* yang terdiri daripada *takhalli*, *tahalli*, *tajalli*, ilmu dan amal (Emie Sylviana 2019). Kesemua pendekatan ini adalah penting dalam membangunkan insan *rabbani* dan insan *kamil*.

Ketiga, aspek akal sebagai satu keperluan dalam pembangunan insan. Berdasarkan Jadual 1, terdapat enam kajian yang menyenaraikan akal sebagai elemen penting dalam pembangunan modal insan. Pembangunan akal adalah amat berkait rapat dengan ilmu, kerana dengan adanya pengisian ilmu maka akal dapat dibangunkan (Muhammad Hilmi & Fakrul Adabi 2015). Menurut Wan Mohd Nor (1998), ilmu menjadikan diri seseorang itu berjaya dan terbangun, sebaliknya tanpa adanya ilmu akan menjadikan seseorang itu lemah, jatuh dan hina. Ilmu juga merupakan latar belakang penting dalam membangunkan modal insan kelas utama (Mohd Faez & Kamarul Azmi 2011). Oleh kerana akal begitu penting kepada manusia, maka ia mestilah dibangunkan secara seimbang dan holistik. Demikian itu, modal insan perlu diperkasakan dengan dua ilmu iaitu ilmu wahyu dan ilmu *aqliyah*. Ilmu wahyu adalah penting dalam membentuk sifat kehambaan seperti taat, sabar, patuh, pemaaf dan sebagainya, manakala ilmu *aqliyah* pula adalah penting bagi melahirkan individu yang memiliki sifat-sifat positif, akrab hubungannya dengan Allah dan sesama manusia (Ab. Aziz & Mutiara Dwi Sari 2017).

Keempat, keperluan emosi. Jadual 1 menunjukkan terdapat tiga kajian yang menyenaraikan pembangunan emosi sebagai salah satu aspek penting dalam pemeraksanaan insan. Menurut Syed Sofian dan Rohany (2010) insan merupakan makhluk yang istimewa yang diciptakan terdiri daripada pelbagai emosi seperti marah, sedih, takut, gembira, benci, seronok, cinta dan sebagainya. Demikian itu, pembangunan emosi dapatlah ditakrifkan sebagai keupayaan dalam menambah baik atau mengurus kesemua emosi tersebut atau juga dikenali sebagai kecerdasan emosi. Dengan adanya kecerdasan emosi, maka seseorang itu dapat membangunkan hubungan baik dengan orang lain, dapat meningkatkan keyakinan diri, dapat meningkatkan kreativiti, berasa tenang dan dihormati (Thiagarajan Kobalan et al. 2020) di samping menjauhkan diri mereka daripada perasaan tamak, dengki, haloba, riak dan bongkok (Abd Aziz & Mutiara Dwi Sari 2017). Kesemua ini mestilah didasari dengan iman kerana menurut Yusuf Qardhawi (2001) tidak akan ada pada orang yang beriman itu sifat dengki dan khianat sebaliknya penuh dengan sifat jujur, amanah, sabar dan tidak mementingkan diri.

Kelima, sosial sebagai satu keperluan dalam pembangunan insan. Jadual 1 menunjukkan terdapat dua kajian yang menyenaraikan sosial sebagai aspek penting dalam pembangunan insan. Menurut Siti Nur Aafifah dan Wan Norhaniza (2018), pembangunan sosial merupakan satu proses pembangunan yang memberi penekanan kepada manusia dan sistem sosialnya. Ia melibatkan pelbagai strategi, program dan aktiviti yang menekankan kepada pengisian nilai yang akan mempertingkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup. Di antara pengisian nilai sosial yang perlu dibangunkan dalam diri insan ialah tolong-menolong, bekerjasama, hormat-menghormati, berkasih sayang, prihatin dan lain-lain. Selain itu, penekanan juga mestilah diberikan terhadap aspek kemahiran sosial sebagaimana pengaruh, komunikasi, pengurusan konflik, kepimpinan, pemangkin perubahan, membina hubungan, kalaborasi dan kerjasama. Hal ini adalah supaya insan dapat menguasai persekitaran sosial dari segi kebolehan berunding, memujuk, memimpin, menyelesaikan masalah dan konflik serta semangat dalam berpasukan (Tengku Azmi Azlina & Shazarina 2014).

Keenam, keperluan ekonomi. Berdasarkan Jadual 1, terdapat satu kajian yang menyenaraikan ekonomi sebagai salah satu aspek penting dalam pembangunan insan. Walaupun hanya satu kajian yang mengetengahkan ekonomi sebagai satu keperluan, namun ia tetap dianggap penting demikian kerana merupakan alat untuk manusia bertahan hidup dalam konteks mengurus perbelanjaan diri dan keluarga (Burhanuddin, Amnah Saayah & Sayuti 2018). Menurut Mohd Nasir (2016), pembangunan insan daripada aspek ekonomi adalah perlu diisi dengan kemahiran keusahawanan. Ini kerana, dengan adanya kemahiran keusahawanan, terdapat banyak keistimewaan yang boleh dicipta oleh seseorang individu. Di antara peluang tersebut ialah mampu berusaha sendiri untuk mencari rezeki dan pendapatan, mampu mewujudkan peluang pelaburan serta ruang-ruang ekonomi baru dan membantu membuka jaringan yang lebih luas terhadap kebolehpasaran diri dan barangan (Ab Mumin & Suhaili 2005; Fatimah Salwa & Joni Tamkin 2013; Mohd Nasir 2016).

Ketujuh, politik sebagai salah satu aspek pembangunan insan. Jadual 1 menunjukkan terdapat satu kajian yang menyenaraikan aspek politik sebagai satu keperluan dalam pembangunan insan. Menurut Muhammad Pisol dan Asyiqin (2007), politik atau *siyasah* dapat diertikan sebagai perintah, melakukan kebaikan dan mendidik. Istilah politik dalam kajian tersebut bermaksud kepimpinan. Noor Shakirah dan Muhammad Azizan (2014) menjelaskan insan adalah diciptakan sebagai seorang hamba iaitu untuk beribadah kepada Tuhannya, namun

pada masa yang sama mereka juga dipertanggungjawabkan sebagai khalifah untuk mentadbir dan mengurus bumi ini. Justeru, pembangunan modal insan daripada aspek kepimpinan adalah penting bagi melahirkan insan yang berwibawa dalam mentadbir hal ehwal kehidupan iaitu merangkumi institusi keluarga, masyarakat dan juga negara (Rashidi 2021). Pembangunan insan dalam konteks kepimpinan boleh diisi dengan keilmuan iaitu melaksanakan pengajaran, pendidikan dan latihan (Rozita, Muhammad Rahimi & Bahiyah 2018). Dengan terlaksananya ketiga-tiga pendekatan ini, maka akan lahir modal insan yang berwibawa serta mempunyai nilai-nilai positif seperti rajin, jujur, cekap dan amanah (Rashidi 2021).

Berdasarkan perbincangan yang dikemukakan, kesemua elemen iaitu jasmani, rohani, akal, emosi, sosial, ekonomi dan politik, masing-masing mempunyai kekuatan tersendiri dalam menjadi aspek penting kepada pembangunan insan. Elemen-elemen tersebut juga merupakan elemen penting dalam pembangunan pendakwah sebagai aktor utama yang berperanan dalam kelangsungan mesej dakwah.

Kesimpulan

Dalam melahirkan pendakwah profesional yang meliputi aspek kemahiran dan keunggulan sahsiah, penumpuan terhadap pembangunan insan harus diberikan kepada pendakwah. Tujuh elemen yang terdiri daripada aspek jasmani, rohani, akal, emosi, sosial, ekonomi dan politik merupakan elemen penting dalam pembangunan pendakwah yang digarap secara seimbang dan holistik. Ia penting bagi melahirkan insan yang cemerlang dalam erti kata pendakwah yang berkebolehan, berkemahiran dan berkualiti. Dengan pendekatan ini, pendakwah berupaya mewujudkan ekosistem dakwah yang sejahtera dengan memungkinkan sasaran dakwah boleh memahami dan menerima mesej dakwah yang disampaikan.

Rujukan

- Ab Aziz Yusof & Mutiara Dwi Sari. 2017. Pembangunan Modal Insan daripada Perspektif Islam: Impak kepada Pengurus. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(1): 40-53. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v2i1.35>
- Ab Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Hj Siren, Yusmini Md Yusoff, Faridah Mohd Sairi & Mohd Anwarulhaq Sulaiman. 2006. *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Aziz Ismail, Tajularipin Sulaiman & Samsilah Roslan. 2020. Models of Relationship Between Emotional, Spritual, Physical and Social Intelligence, Resilience and Burnout Among High School Teachers. *Universal Journal of Educational Research*, 8(1): 1-7. 10.13189/ujer.2020.081301
- Ab.Mumin Ab Ghani & Suhaili Sarif. 2005. Penerapan Budaya Keusahawanan dalam Masyarakat Islam. *Seminar Keusahawanan Islam Dalam Era Globalisasi*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, hlm. 2-18. http://eprints.um.edu.my/146/1/01_-_Penerapan_Budaya.pdf
- Abdul Rahman Embong. 2007. *Pembangunan Negara Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abdurahman Abdullah & Abdul Ghafar Don. 2018. Konsep Komitmen Dakwah Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) JAKIM. *Jurnal At-Tahkim*, 8(4): 1-8. <http://attahkimjournal.com/wp-content/uploads/ABDURAHMAAN.pdf>
- Adeel Ahmed, Mohd Anuar, Arshad Mahmood & Sahail Akhtar. 2016. Spiritual Intelligence (SQ): A Holistic Framework for Human Resource Development. *Administrative SI Management Public*, 1: 60-77. https://www.researchgate.net/publication/305265106_Spiritual_intelligence_SQ_A_holistic_framework_for_human_resource_development
- Ahmad Awang. 1998. Cabaran Dakwah dan Pembangunan Negara pada Masa Kini. Dlm. Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat & Ideris Endot. *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mahmud Abu Zaid & Usamah Hussein. 2003. *Pendakwah Masa Kini: Sikap dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- Aidit Ghazali. 1990. *Development – An Islamic Perspective*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2004. *Fi Fiqh al-Awlawiyyat: Dirasah Jadidah Fi Daw' al-Qur'an Wa al-Sunnah*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Andre Gunder Frank. 1966. The Development of Underdevelopment. *The Strategy of Armed Struggle*, 18(4): 17-31. <https://doi.org/10.14452/MR-018-04-1966-08>
- Arshad Mahmood, Mohd Anuar Arshad, Adeel Ahmed, Sohail Akhtar & Shahid Khan. 2018. *Spiritual Intelligence Research within Human Resource Development: A Thematic Review*. Management Research Review Emerald Publishing Limited, 41 (8): 987-1006. <https://doi.org/10.1108/MRR-03-2017-0073>
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2019. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Baharom, N. 2005. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharon Mohamad & Mohd Johdi Salleh. 2009. Pembangunan Modal Insan Sebagai Satu Pelaburan Penting dalam Konteks Pembinaan Negara. *Prosiding Seminar Pembangunan Modal Insan*, hlm. 1-17. http://irep.iium.edu.my/11673/1/Proceeding_-_Pelburan_Negara_dlm_Pmbangunan_Modal_Insan.pdf
- Bevan, S. L., Liu, J., Wallis, K. E., & Pinto-martin, J. A. 2020. Screening Instruments for Developmental and Behavioral Concerns in Pediatric Hispanic Populations in the United States. *A Systematic Literature Review Journal of Developmental & Behavioral Pediatrics*, 41(1): 71– 80. <http://dx.doi.org/10.1097/DBP.0000000000000724>
- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail & Sayuti Ab Ghani. 2018. Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(1): 23-33. <http://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2018/08/TAMU-Vol-41-June-2018-2.pdf>
- Che Bakar Che Mat, Abd Shukor Md Ali, Wan Kamariah Leman, Norlela Kamaluddin, Sharifah Anom Omar, Salmah Hussin & Wan Ariffin Wan Yon. (2007). *Pembangunan Dari Perspektif Islam*. Shah Alam: UPENA, Universiti Teknologi MARA.
- Emie Sylviana Mohd Zahid. 2019. Pembangunan Spritual: Konsep dan Pendekatan dari Perspektif Islam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2(1): 64-87. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/E-Jitu/article/view/12783>

- Faiz Abdul Rahim. 2018. *Domain Pendakwah Masyarakat Orang Asli*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faizatul Najihah Mohd Azaman & Faudzinaim Badaruddin. 2016. Nilai-nilai Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Ghazali. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(1): 11-27. <https://doi.org/10.11113/umran2016.3n1.54>
- Famida Naimi Hasbolah. 2018. Pendekatan Dakwah JAKIM Dalam Mencapai Kesejahteraan Hidup Masyarakat Orang Asli Berteraskan Masalah Syariah. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fariza Md. Sham. 2005. Pembangunan Manusia dari Perspektif Psikologi Dakwah. Dlm. Siti Rugayah Hj. Tibek & Salasiah Hanin Hamjah. *Dakwah dan Pembangunan Masyarakat*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatimah Salwa Abd Hadi & Joni Tamkin Borhan. 2013. Faktor-faktor Kejayaan Perniagaan Khadijah Binti Khuwailid: Analisis terhadap Usahawan Asnaf di Lembaga Zakat Selangor. *Jurnal Syariah*, 21(2): 117-144. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22463>
- Halim Mokhtar & Zulkefli Aini 2014. Dakwah Islamiah kepada Orang Asli di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, Cabaran dan Permasalahan. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik*, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah, hlm. 1-12. <http://www.ukm.my/rsde/wp-content/uploads/2014/11/17-Dakwah-Orang-Asli-Pulau-Carey.pdf>
- Higgins ,J.P.T., Altman, D.G.A., Gótzsche, P.C Jüni, Moher, D., Oxman, A.D., Savović, J., Schuiz, K.F., Weeks, L., Sterne, J.A.C. 2011. The Cochrane Collaboration's tool for assessing risk of bias in randomised trials. *BMJ* (online), 343(7829), 1-9. <https://doi.org/10.1136/bmj.d5928>.
- Hussin Salamon. 2009. Perkembangan Pasaran Modal Islam dalam Pembangunan Ekonomi Negara. *Jurnal Teknologi*, 50(1): 1-10. <https://doi.org/10.11113/jt.v50.179>
- Ibn Manzur. 1994. *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar Sadir/ Dar Al-Fikr.
- Ibtisam Ibrahim & Berhanundin Abdullah. 2019. Pendekatan Pengurusan Kemahiran Pendakwah Profesional dalam Dakwah kepada Masyarakat Awam. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*, hlm. 496-506. <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-66.pdf>
- Kamarul Azmi Jasmi. 2016. Pembangunan Insan daripada Perspektif Islam. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (ed.). *Ensiklopedia Pendidikan Islam*, hlm. 102-107. Skudai: Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam.
- Khoirul Fadli. 2010. Peranan Pendakwah dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Medan Indonesia. Disertasi Sarjana Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Masitah Idris, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Ahmad Sunawari Long & Nozira Salleh. 2019. Pembangunan Modal Insan (PMI) Dari Perspektif Islam. *Journal of Management and Operation Research*, 2(1): 1-12. <https://ecdcpublishing.com/wp-content/uploads/2018/10/Pembangunan-Modal-Insan-PMI-Dari-Perspektif-converted.pdf>

- Mohd Faez & Kamarul Azmi. 2011. Peranan Pendidikan Islam dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama. *Kertas Kerja Persidangan Sains Sosial Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)*, hlm. 1-15.
https://www.academia.edu/21649984/Peranan_Pendidikan_Islam_dalam_Pembangunan_Modal_Insan_Kelas_Pertama
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. 2012. Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(1): 75-89.
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8556>
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. 2012. *Akidah dan Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Nasir Ripin. 2016. Kisah Anbiya' dalam Al-Quran: Kajian Perspektif Pembangunan Modal Insan Berasaskan Keusahawanan. Tesis Ijazah Dkotor Falsafah Universiti Malaya.
- Mohd Sabri Ismail & Salmiah Ismail. 2007. Dakwah dan Pembangunan Sukan di Malaysia: Satu Realiti. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Belia Islam*, hlm. 238-263.
- Mohd Shukri Hanapi. 2011. Pembinaan Konsep Pembangunan Berteraskan Islam: Analisis Pemikiran Muhamad Syukri Salleh. *Jurnal Politik Pembangunan Islam*, 1(1): 24-46.
<https://www.academia.edu/12315604>
- Mohd Shukri Hanapi. 2017. Tasawur Teori Pembangunan Lazim: Analisis Daripada Perspektif Tasawur Islam. *Jurnal Hadhari*, 9(1): 49-61.
<http://ejournal.ukm.my/jhadhari/article/download/18519/5874>
- Muhammad Hilmi Jalil & Fakrul Adabi Abdul Kadir. 2015. Keutamaan Pembangunan Insan dalam Mengimbangi Arus Pembangunan Negara. *Jurnal Hadhari*, 7(1): 105-119.
<https://ejournal.ukm.my/jhadhari/article/view/14181/0>
- Muhammad Pisol Mat Isa & Asyiqin Abdul Halim. 2007. Sa'id Hawwa sebagai Tokoh Gerakan Dakwah: Pengaruhnya dalam Pemikiran Politik Islam. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Belia Islam*, hlm. 97-105.
- Muhammad Syukri Salleh. 2002. *Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad Syukri Salleh. 2003. *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zbra Editions Sdn.Bhd.
- Muhammad Syukri Salleh. 2013. Philosophical Foundations of Islamic Development: Khurshid Ahmad's Conception Revisited. *International Journal of Education and Research*, 1(7): 1-16. <https://www.ijern.com/journal/July-2013/27.pdf>
- Najihah Abd Wahid, Anas Mohd Yunus, Siti Fatimah Salleh & Khazri Osman. 2017. Pembangunan Modal Insan Menurut Analisis Diwan Al-Shafi'i. *Proceeding Strengthening Local Communities Facing the Global Era*, hlm. 493-499.
<http://jurnal.unmuhjember.ac.id/index.php/pslcf/article/view/930>
- Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan. 2014. Pembangunan Modal Insan dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Capital Development*, 7(1): 33-47.
<https://journal.utem.edu.my/index.php/jhcd/article/view/2137>

- Nor Sahida Mohamad. 2013. Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awalan. *Prosiding PERKEM 8*, hlm. 355-370.
https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_2A3.pdf
- Rashidi Abbas. 2020. Pembangunan Modal Insan dan Etika Kepimpinan. <https://mycommunity.ump.edu.my>. 2 Julai 2021.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2015. Penelitian Pembentukan Modal Insan Melalui al-Quran dan al-Sunnah. Dlm. Razaleigh Muhamat @ Kawangit (ed.). *Pengurusan Modal Insan dari Perspektif Islam*, hlm. 11-30. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roslan Mohamed & Siti Aishah Abu Bakar. 2010. Pembangunan Masyarakat ke Arah Kesejahteraan Berteraskan Pembangunan Modal Insan. *Prosiding Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat*, hlm. 1-12.
http://eprints.um.edu.my/3123/1/S4_RoslanMohamad.pdf
- Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid. 2018. Takrif Kepimpinan, Ciri-ciri Pemimpin dan Motivasi untuk Memimpin Menurut Sudut Pandang Pemimpin Wanita Akar Umbi. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 19(1): 28-42. <http://journalarticle.ukm.my/13690/>
- Saharia Hj. Ismail. 2015. Pembangunan Insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Capital Development*, 8(2): 83-99.
<https://journal.utem.edu.my/index.php/jhcd/article/viewFile/2087/1247>
- Said Bin Ali al-Qahthani. 1994. *Da 'wah Islam Da 'wah Bijak* (Terj.) Masykur Hakim. Jakarta: Penerbit Gema Insani Press.
- Siti Nur Aafifah Hashim & Wan Norhaniza Wan Hasan. 2018. Strategi Mendepani Cabaran Pembangunan Sosial Berteraskan Islam Melalui Kesejahteraan Kesihatan Mental. Kertas National Conference on Environment, Sosial and Development, hlm. 1-9.
https://www.researchgate.net/publication/331917131_strategi_mendepani_cabaran_pembangunan_berteraskan_islam_masa_kini_melalui_kesejahteraan_kesihatan_mental
- Syahrul Faizaz Abdullah, Azizah Othman & Solahuddin Ismail. 2006. Kefahaman Tentang Konsep Asas Dakwah Islamiah Dan Metodologi Dakwah Islamiah Di Kalangan Pelajar-Pelajar Institut Agama Islam Kedah (Insaniah). *National Student Development Conference (NASDEC)*, hlm. 1-10. <http://eprints.utm.my/id/eprint/589/>
- Syed Sofian Syed Salim & Rohany Nasir. 2010. Kesan Tekanan Emosi ke Atas Tekanan Kerja dan Niat Berhenti Kerja Profesion Perguruan. *Jurnal e-Bangi*, 5(1): 53-68.
<https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/21648>
- Tengku Elmi Azlina Tengku Muda & Shazarina Zdainal Abidin. 2014. Kemahiran Sosial Menurut Perspektif Islam: Aplikasinya dalam Membentuk Keperibadian Pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 1(2): 42-56.
<https://ejournalfp.files.wordpress.com/2015/02/kemahiran-sosial-menurut-perspektif-islam-ms-42-56.pdf>
- Thiagarajan Kobalan, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof, Hapini Awang, Mohd Sofian Omar Fauzee & Hareesol Khun-Inkeree. 2020. Kecerdasan Emosi dan Pengurusan Stress dalam Kalangan Guru di Pulau Pinang. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*. 1(1): 1-7.
https://static.s123-cdn.com/uploads/1759562/normal_5e888f280b39d.pdf

- Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar. 2016. *Tasawur Pembangunan Dalam Kitab Sahih al-Bukhariy: Kajian Al-Hadith Al-Mawdu'iy*. Tesis ijazah Doktor Falsafah Universiti Sains Malaysia.
- Wan Hussein Azmi (1988), *Panduan Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Liz Ozman Wan Omar. 1996. *Pengurusan Islam Abad ke-21*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1998. *Filsafat dan Praktik Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Bandung: Mizan.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2001. *Pembangunan Malaysia ke Arah Satu Kefahaman Baru yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Wan Norhaniza Wan Hasan & Mohd Shukri Hanapi. 2014. Analisis Acuan Indeks Pembangunan. *GJAT*, 4(1): 113-126.
- Xiao, Y. & Watson. 2019. Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Plannig Education and Research*, 39(1): 93-112.
<https://doi.org/10.1177%2F0739456X17723971>
- Yusuf al-Qardhawi. 2001. *Al-qur'an dan Al-Sunnah Referensi Tertinggi*. Terj. Bahruddin Faunani. Selangor: Penerbitan Darul Iman.
- Zafia Zymonik & Anna Dobrowolska. 2015. Spiritual Capital as the Fourth Capital in a TQM Organization. *Journal of Management and Finance*, 13 (2): 147-155.
http://zif.wzr.pl/pim/2015_2_13.pdf
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 2002. *Usul Dakwah Islam & Dakwah*. Terj. Solehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Zainudin Hashim, Fakhrul Adabi Abdul Kadir & Yusmini Md. Yusoff. 2015. Agenda Hasan Al-Banna dalam Pembangunan Insan Menerusi Penulisan Karya Majmu'at Al-Rasail. *Jurnal Kemanusiaan*, 24(3): 1-14.
<https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/84>
- Zulkefli Aini. 2012. *Tasawwur Islam*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.